

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 4/1974**

=====

**DASAR UNTUK MENGGUNAKAN TANAH PERTANIAN
BAGI MENDIRIKAN KILANG BATU-BATA**

Majlis mesyuarat Kerajaan Selangor di dalam persidangannya pada 28hb Mac 1974 telah meluluskan permohonan untuk menukar atau mengenakan jenis kegunaan tanah daripada pertanian kepada perusahaan kilang batu-bata seperti berikut:-

Dibenarkan tanah EMR.2064 bagi Lot 1283, Mukim Klang digunakan untuk kilang batu-bata dengan dikenakan bayaran dan syarat-syarat seperti berikut:-

Tempoh	:	10 tahun
Premium	:	RM 300/- setahun
Cukai	:	RM75/- Seekar
Syarat	:	Adalah tidak menjadi pelanggaran syarat batin (implied condition) pertanian bagi Surat Hakmilik ini jika tanah yang dimaksudkan digunakan untuk kilang batu-bata dan bangunan-bangunan yang bersangkutan dengannya yang mana akan luput pada 1hb April 1984.

Kelulusan yang terdapat di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- (i) Pemilik hendaklah mengadakan kebenaran dan mengawal kekotoran seperti kekotoran-kekotoran udara daripada asap, debu-debu dan sebagainya yang boleh mengancam kesihatan orang ramai.
- (ii) Pemilik hendaklah menjalankan kerja-kerja mencegah nyamuk mengikut kehendak-kehendak Pegawai Kesihatan.
- (iii) Apa-apa kerosakan kepada parit atau tebing parit hendaklah diperbaiki oleh Pemilik dengan perbelanjaannya sendiri mengikut kehendak-kehendak Jurutera Parit dan Taliair Negeri Selangor
- (iv) Pemilik tidak dibenarkan mengganggu parit atau membuang sampah-sampah sarap, habuk-habuk batu-bata, benda-benda yang mengancam kesihatan dan sebahagiannya ke dalam parit.
- (v) Pemilik hendaklah menimbus dan merata lubang-lubang yang telah dikorek

- (vi) Pemilik hendaklah menetapkan iaitu 40% daripada pekerja-pekerja yang diambil untuk menjalankan perusahaan keatas tanah berkenaan mestilah orang-orang Melayu.
- (vii) Pemilik dikehendaki mengambil permit untuk mengalih batu-bata di bawah seksyen 23 Peraturan Tanah Selangor 1966.

2. Bagi tanah Kerajaan pengeluaran tanah secara hakmilik tidak boleh dipertimbangkan. Syor yang patut dikemukakan ialah mengikut kehendak-kehendak Seksyen 69 Kanun Tanah Negara iaitu cara Lesen Tumpangan Sementara. Kadar premium yang dikenakan ialah RM200/- bagi satu ekar.

3. Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah dinasihatkan supaya mematuhi dasar ini.

T.T
(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR

PTG.SEL 32 (99)
KUALA LUMPUR

*** PEKELILING DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.9/1974**